

27/09/1998

Malaysia tidak perlu nasihat asing

KUALA LUMPUR: Malaysia tidak memerlukan sebarang peringatan atau teguran negara asing dalam usaha melindungi hak rakyatnya, kata Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Sehubungan itu, beliau menolak dakwaan Jabatan Negara Amerika Syarikat yang memandang berat penggunaan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) untuk menghalang perhimpunan, kebebasan bersuara dan komunikasi secara terbuka di negara ini.

Ini kerana, katanya, akta itu yang diluluskan Parlimen Malaysia sudah cukup memperincikan secara terang tujuan penggunaannya.

"Semua rakyat Malaysia dilindungi mengikut undang-undang di dalam Perlembagaan Malaysia dan ISA adalah undang-undang yang dikuatkuasakan Parlimen. Oleh itu, Kerajaan Malaysia tidak menggunakan akta itu semata-mata bagi menghalang perhimpunan, kebebasan bersuara, komunikasi terbuka atau pun kebebasan peribadi.

"Sebaliknya ISA digunakan dengan tujuan memastikan keselamatan negara dan ketenteraman awam terjamin," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan Wisma Putra, semalam.

Beliau mengulas kenyataan jurucakap Jabatan Negara Amerika Syarikat kelmarin, bahawa ISA membenarkan penahanan tanpa perbicaraan dan digunakan untuk menyekat kebebasan individu.

Kenyataan itu yang dikeluarkan melalui Kedutaan Amerika Syarikat, turut menyebut bahawa negara itu memandang berat penahanan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan beberapa rakannya mengikut ISA dan terbaru, mengehendak aktiviti isteri Anwar, Datin Seri Wan Azizah Ismail.

Abdullah berkata, penahanan Anwar dibuat mengikut seksyen 73(1) akta berkenaan kerana bertindak mengancam ketenteraman awam dan turut menggugat keselamatan negara.

"Ketika menahannya, polis mempunyai alasan yang boleh dipercayai bahawa beliau (Anwar) tidak hanya bertindak tetapi turut bercadang untuk meneruskan usaha yang boleh menggugat keselamatan negara," katanya.

Malah, menurut Abdullah, penahanan Anwar itu hanya dilakukan 18 hari selepas beliau dilucutkan jawatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden Umno.

"Dalam tempoh 18 hari itu, beliau menerajui perhimpunan dan perarakan awam baik di kediamannya serta lokasi lain di seluruh negara yang turut dijadikan tempat mengkritik secara terbuka kerajaan secara amnya dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Perhimpunan awam dan perarakan haram itu tidak mengikut undang-undang kerana diadakan tanpa sebarang permit polis dan tidak wujud sebarang insiden atau kerosakan harta benda yang menggugat keselamatan negara ketika itu," katanya.

Bagaimanapun, menurut Abdullah, kejadian pada 20 September lalu yang menyebabkan keadaan huru-hara serta kerosakan harta benda yang sekali gus mengancam keselamatan negara dan ketenteraman awam.

Sehubungan itu, katanya, polis terpaksa menahan Anwar dan pengikutnya mengikut ISA dan bukannya bermotifkan politik.

Malah, arahan pihak berkuasa kepada Wan Azizah pula hanya menyentuh soal melarang perhimpunan ramai tanpa permit semata-mata sedangkan beliau sendiri masih menikmati kebebasan.

(END)

